



ایکتن فنولیس سابه

IKATAN PENULIS SABAH

IPS/K1/2025(14)

Wawasan Penulis Sabah 2030

Tujuan

Kertas ini dikeluarkan oleh Ketua Satu, Ikatan Penulis Sabah (IPS), Malaysia sebagai Kertas Dasar menurut Fasal 15(2), Perlembagaan IPS untuk menyediakan gambaran yang adil dan saksama kepada semua ahli, sukarelawan dan sahabat IPS terhadap Wawasan Penulis Sabah 2030.

Pendahuluan

Sabah, dengan kekayaan budaya, sejarah dan bahasa yang luar biasa, memiliki potensi yang besar untuk menjadi pusat kecemerlangan sastera yang bukan sahaja diiktiraf di Malaysia, tetapi juga di peringkat antarabangsa. Justeru, usaha ke arah membina ekosistem penulisan yang dinamik, berdaya tahan dan berdaya saing memerlukan rangka tindakan strategik yang jelas dan komprehensif.

Sejarah perkembangan kesusasteraan di Sabah telah menunjukkan bahawa penulisan bukan sekadar medium ekspresi individu, tetapi juga alat pemerikasaan masyarakat. Melalui karya-karya penulis Sabah, warisan tradisi lisan, sejarah tempatan dan aspirasi masyarakat telah dirakam dan disebar. Namun, cabaran semasa seperti globalisasi budaya, kemajuan teknologi dan perubahan demografi menuntut pendekatan baharu dalam mengurusperdanakan karya sastera tempatan agar relevan dan mampu menarik minat generasi muda.

Peranan IPS sebagai payung bagi penulis-penulis Sabah tidak boleh dipandang remeh. IPS telah menjadi platform yang menghubungkan penulis dari pelbagai latar belakang, memperjuangkan hak dan kebajikan penulis, serta mempromosikan kesusasteraan Sabah ke pelbagai peringkat sejak tahun 1990. Walau bagaimanapun, dengan landskap sastera yang semakin kompetitif dan dinamik, IPS memerlukan visi yang mampu menyatukan usaha dan potensi seluruh ekosistem penulisan di Sabah.

Wawasan Penulis Sabah 2030 dirancang dengan mengambil kira aspirasi dan keperluan masyarakat Sabah yang berkembang pesat. Wawasan ini diwujudkan bukan sahaja bertujuan untuk mengangkat martabat penulisan sebagai profesion, tetapi juga untuk

memastikan bahawa penulisan dapat memberi impak positif kepada pembangunan sosial, ekonomi dan budaya negeri. Dalam konteks ini, penulisan tidak hanya dilihat sebagai produk seni tetapi juga sebagai alat pembangunan yang mampu memperkukuh identiti, memperluas pemikiran dan memperbaiki kehidupan masyarakat.

Faktor global memainkan peranan penting dalam mencorak hala tuju wawasan ini. Dunia kini menyaksikan kebangkitan platform digital yang telah mengubah cara karya sastera dihasilkan, dipasarkan dan dinikmati. Penulis tidak lagi bergantung kepada penerbit tradisional untuk mencapai khalayak. Sebaliknya, mereka kini boleh meneroka pelbagai peluang melalui media sosial, laman web penulisan dan platform e-dagang. Hal ini membuka ruang yang luas kepada penulis Sabah untuk bersaing di pentas dunia, tetapi pada masa yang sama menuntut persediaan dan strategi yang lebih rapi untuk menghadapinya.

Wawasan Penulis Sabah 2030 juga berhasrat untuk menjadikan kesusasteraan sebagai alat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Sabah. Negeri ini terkenal dengan keunikan dan kepelbagaian etniknya dan setiap etnik memiliki cerita, tradisi dan nilai yang tersendiri. Dengan menjadikan penulisan sebagai medium penyatuan, wawasan ini berusaha untuk merapatkan jurang perbezaan melalui penghayatan terhadap kepelbagaian tersebut. Di samping itu, usaha ini juga bertujuan untuk memelihara bahasa dan budaya etnik Sabah agar tidak hilang ditelan arus pemodenan.

Wawasan ini juga tidak hanya memfokuskan kepada penulis, tetapi juga kepada pembaca, penerbit, pengedar dan seluruh ekosistem kesusasteraan di dalam dan luar Sabah, baik di sektor awam, sektor swasta mahupun badan bukan kerajaan (NGO). Dalam membangunkan bidang tersebut, setiap pihak mesti sedar akan perlunya mereka memainkan peranan penting. Tanpa pembaca yang berminat, karya terbaik tidak akan memberi impak kepada masyarakat. Tanpa penerbit yang berani, bakat penulis mungkin terabai. Oleh itu, usaha kolektif diperlukan bagi memastikan setiap komponen dalam ekosistem ini berfungsi secara sinergi.

Pendekatan inklusif menjadi teras kepada wawasan ini. Penulisan di Sabah tidak seharusnya terhad kepada genre atau kelompok tertentu sahaja. Sebaliknya, penulisan di Sabah harus merangkumi pelbagai bentuk dan genre, daripada fiksi kepada bukan fiksi, daripada puisi kepada prosa dan daripada tulisan ilmiah kepada tulisan kreatif. Penulisan di Sabah juga harus terbuka kepada semua individu yang mempunyai minat terhadap penulisan tanpa mengira latar belakang etnik, agama dan kedudukan sosioekonomi. Dengan cara ini, wawasan ini berpotensi untuk mewujudkan komuniti penulis yang lebih pelbagai dan kaya.

Sebagai langkah awal, pelaksanaan Wawasan Penulis Sabah 2030 memerlukan komitmen dan kerjasama daripada pelbagai pihak, termasuk Kerajaan Persekutuan dan Negeri Sabah, institusi pendidikan, sektor swasta dan NGO. Pelaburan dalam infrastruktur penulisan

seperti perpustakaan digital, pusat latihan penulisan dan program insentif bagi penulis merupakan antara langkah yang dapat diambil untuk merealisasikan wawasan ini. Selain itu, program promosi dan pengantarabangsaan juga perlu diberi perhatian untuk memastikan karya-karya penulis Sabah dapat menembusi pasaran global.

Pada masa yang sama, wawasan ini menyedari pentingnya memanfaatkan teknologi untuk meningkatkan keberkesanan dan impak usaha yang dijalankan. Dari analisis data pembaca hingga penggunaan kecerdasan buatan dalam proses penulisan, teknologi dapat membantu mempercepat pencapaian matlamat wawasan ini. Oleh itu, inovasi harus menjadi sebahagian daripada budaya kerja IPS dalam merealisasikan wawasan ini.

Dalam menyusun langkah ke arah Wawasan Penulis Sabah 2030, penting untuk setiap pihak yang terlibat memastikan bahawa segala usaha yang dijalankan berasaskan kepada prinsip-prinsip kemampanan. Dalam erti kata yang lain, setiap projek atau inisiatif yang hendak dilaksanakan harus mempunyai pelan jangka panjang yang jelas dan tidak hanya bersifat sementara. Selain itu, wawasan ini harus sentiasa mengambil kira maklum balas daripada pelbagai pihak untuk memastikan wawasan ini terus relevan dengan keperluan semasa.

Tuntasnya, Wawasan Penulis Sabah 2030 bukan sekadar dokumen atau rangka tindakan. Wawasan ini merupakan aspirasi kolektif yang memerlukan dedikasi, kreativiti dan keberanian untuk membawa perubahan. Wawasan ini menjadi peluang untuk menunjukkan kepada dunia bahawa Sabah, sebagai sebuah negara bahagian di Malaysia, tidak hanya kaya dengan keindahan alam, tetapi juga dengan karya sastera yang mampu mengubah pemikiran dan menyentuh jiwa. Dengan semangat yang tinggi dan kerjasama yang erat, wawasan ini dapat dicapai sekali gus mengangkat nama Sabah sebagai pusat kesusasteraan yang disegani di peringkat antarabangsa.

1. Sejarah dan perkembangan penulisan di Sabah

Sejarah dan perkembangan penulisan di Sabah telah melalui pelbagai fasa penting yang mencerminkan perubahan sosiobudaya dan politik negeri ini sejak kurun ke-15 hingga masa kini. Bermula dengan tradisi lisan, penulisan di Sabah berkembang pesat seiring dengan kemunculan sistem tulisan dan percetakan yang diperkenalkan oleh penjajah serta institusi tempatan. Perkembangan ini tidak hanya membentuk identiti kesusasteraan Sabah tetapi juga menyumbang kepada warisan intelektual yang terus hidup hingga ke hari ini.

Pada peringkat awal, masyarakat pribumi di Sabah seperti Kadazandusun, Bajau dan Murut mengamalkan tradisi lisan sebagai bentuk utama penyampaian ilmu dan sejarah. Puisi rakyat, mitos, lagenda dan syair memainkan peranan penting dalam menyampaikan nilai budaya dan adat resam.

Pada abad ke-16, dengan kedatangan Islam ke kepulauan Borneo, tulisan Jawi mula diperkenalkan oleh pedagang dan pendakwah dari wilayah Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu. Manuskrip bertulisan Jawi yang merakam perjanjian, surat-menyurat rasmi dan karya keagamaan mula muncul dalam kalangan masyarakat Muslim Sabah, khususnya dalam komuniti Bajau dan Brunei.

Kemajuan penulisan di Sabah mula mendapat tempat pada awal abad ke-20 dengan kedatangan sistem pendidikan formal yang diperkenalkan oleh penjajah British. Dengan penubuhan sekolah-sekolah Inggeris dan Melayu, lebih ramai penduduk tempatan memperoleh akses kepada literasi dan kemahiran menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

Perkembangan tersebut membawa kepada kemunculan surat khabar dan majalah tempatan yang menjadi medium penting dalam memperkenalkan genre penulisan moden seperti esei, rencana dan laporan berita. Akhbar seperti *British North Borneo Herald* yang diterbitkan oleh Syarikat Borneo Utara British memainkan peranan penting dalam mendokumenkan sejarah dan peristiwa di Sabah.

Selepas Perang Dunia Kedua dan pembentukan Malaysia pada tahun 1963, kesedaran nasionalisme semakin meningkat dalam kalangan masyarakat Sabah. Hal ini mendorong lahirnya para sasterawan yang menulis tentang perjuangan dan identiti masyarakat Sabah dalam konteks negara Malaysia yang baharu. Jika pada tahun 1950-an, penulis-penulis seperti Amil Jaya, K. Bali, Shuhaibun Yussuf dan Zahati dilahirkan, pada zaman 1960-an, lahir pula penulis-penulis seperti Dayang Salmah Salam, Jamdin Buyong, MA Rahman, Suhaini S dan Zaiton Ajamain.

Kesedaran nasionalisme yang semakin meningkat selepas pembentukan Malaysia mendorong lahirnya NGO yang memperjuangkan bahasa dan sastera kebangsaan di Sabah, yakni Angkatan Penulis Muda Sabah (APMS) dan Persatuan Penulis Sabah (PERPESA). Sebelum kelahiran APMS dan PERPESA pun, telah ada NGO yang melakukan hal yang sama terlebih dahulu sebelum Borneo Utara meraih kemerdekaan daripada United Kingdom dan membentuk Malaysia bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu dan Sarawak, iaitu Angkatan Gaya Baru yang ditubuhkan pada tahun 1957.

Era 1970-an pula menyaksikan penubuhan Badan Bahasa dan Sastera Sabah (BAHASA) sebagai sebuah NGO yang memperjuangkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Malaysia di Sabah dengan Dzulkifli Abdul Hamid menjadi Yang Dipertua Pengasasnya. Keberkesanan BAHASA dalam perjuangannya membolehkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) meluaskan operasinya ke Sabah pada tahun 1977. Pada era ini, telah lahir penulis-penulis Sabah seperti Arifin Arif, Emin Madi dan Sitti Rahmah G Ibrahim.

Era 1980-an menyaksikan peningkatan dalam penerbitan buku dan antologi puisi, cerpen serta novel oleh penulis Sabah. Antara penulis Sabah yang dilahirkan pada era tersebut termasuklah Abd Naddin Shaidin, Awang Karim Kadir, Azmah Nordin, Hasyuda Abadi, Jasni Matlani, Ony Latifah Osman dan Raymond Majumah.

Era 1990-an pula menyaksikan kebangkitan semula pemuda dalam industri penulisan di Sabah. Pada era ini, IPS ditubuhkan bukan sahaja untuk menjadi wadah kepada penulis muda di Sabah untuk menempa nama dalam industri penulisan, tetapi juga untuk membolehkan masyarakat di peringkat akar umbi terbuka dengan kepentingan penulisan dalam memacu pembangunan individu, masyarakat dan tanah air.

Pada era tersebut, lahirlah pula penulis-penulis Sabah seperti Azridah PS Abadi, Fauziah Moxin, Juri Durabi, Ramlee Awang Murshid dan Sahara Jais. Pada era ini jugalah, Sabah mengakui secara rasmi Amil Jaya sebagai Sasterawan Negerinya yang pertama, yang turut memenangi Anugerah Penulisan Asia Tenggara (*SEA Write Award*) (Malaysia).

Memasuki abad ke-21, perkembangan teknologi dan internet membawa dimensi baharu dalam dunia penulisan di Sabah. Platform media sosial, blog dan penerbitan digital memberikan ruang yang lebih luas kepada penulis Sabah untuk berkarya dan berinteraksi dengan pembaca tanpa batasan geografi. Beberapa penulis muda Sabah muncul dalam dunia sastera digital dengan membawa suara dan gaya yang lebih segar. Antara tokoh penulis muda yang menonjol pada permulaan abad ke-21 ialah Dayangku Mastura, Kims Diwa dan Ruhaini Matdarin. Pada era tersebut, Sabah menyaksikan Azmah Nordin diiktiraf sebagai pemenang, *SEA Write Award* mewakili Malaysia.

Kemudian, muncul pula penulis-penulis Sabah pada tahun 2010-an Gabriel Kimjuan, Hartini Taman, Mohilis, Rafi Harumin, Ruzaini Awang dan Siti Alimah. Pada era tersebut, Sabah menyaksikan Jasni Matlani diiktiraf sebagai pemenang, *SEA Write Award* mewakili Malaysia dan memperakukan Azmah Nordin sebagai Sasterawan Negerinya yang kedua.

Begitulah juga keadaannya pada tahun 2020-an apabila buat pertama kalinya, Sabah menyaksikan kemunculan penulis dari Generasi Z seperti Fahaiz, Jaidin Zaineh dan Muhammad Farhan Firdaus Nordin. Pada era tersebut, Sabah memperakukan Hasyuda Abadi dan Jasni Matlani sebagai Sasterawan Negerinya yang ketiga dan keempat.

Sejak era 2020-an, NGO yang telah sedia wujud, yakni BAHASA dan IPS, serta yang baru wujud seperti Kelab Penulis Kadazan Dusun Murut Rungus Sabah (Momogunsia), Persatuan Pemuisi D'Bayu Sabah (Pemuisi D'Bayu), Persatuan

Sastera dan Budaya Sabah (PSBS) dan Rumpun Seni Teater dan Sastera Sabah (RUSTA) terus aktif dalam menganjurkan bengkel penulisan, forum sastera, serta penerbitan antologi bagi mempromosikan bakat-bakat baharu. Festival Sastera Sabah yang dianjurkan setiap tahun juga menjadi platform utama untuk menampilkan karya-karya terbaik penulis Sabah.

Penerbitan dalam bahasa lain selain Melayu, seperti bahasa Inggeris dan bahasa etnik Sabah juga semakin berkembang sejak abad ke-21. Hal ini membuktikan bahawa sastera Sabah semakin bersifat inklusif dan merangkumi pelbagai suara serta perspektif.

Secara ringkasnya, budaya, bahasa dan sastera di Sabah telah mengharungi episod yang sangat panjang dan penuh dengan sejarah perjuangan. Daripada masyarakat tradisional kepada pemodenan yang diikat dengan penjajahan sebelum kembali kepada kemerdekaan, Sabah telah menyaksikan jatuh dan bangunnya dalam budaya, bahasa dan sastera. Tokoh-tokoh yang tersenarai dalam Jadual 1 merupakan sebahagian daripada ramai lagi yang telah menyumbang kepada semarak budaya, bahasa dan sastera di Sabah pada zaman masing-masing dan yang boleh diteladani oleh generasi masa kini dan masa hadapan.

Jadual 1: Tokoh penulis Sabah sejak zaman 1950-an, mengikut zamannya dan bidang kebitaraannya

1950-an	1960-an
• Amil Jaya (puisi) • K. Bali (puisi) • Shuhaibun Yussuf (cerpen) • Zahati (cerpen)	• A Bolly Asmara (puisi) • Mahmud Jahar (puisi) • Suhaini S (puisi) • Zaiton Ajamain (puisi) • Dayang Salmah Salam (cerpen) • Jamdin Buyong (cerpen) • MA Rahman (kewartawanan)
1970-an	1980-an
• Arifin Arif (puisi) • Sitti Rahmah G Ibrahim (novel dan skrip drama) • Emin Madi (kewartawanan)	• Abd Naddin Shaiddin (puisi dan kewartawanan) • Awang Karim Kadir (puisi dan skrip drama) • Hasyuda Abadi (puisi, cerpen dan umum) • Jasni Matlani (puisi dan umum) • Ony Latifah Osman (puisi) • Raymond Majumah (puisi dan

	umum) • Sitti Hadiah Abdul Mutalib (puisi) • Arnida HO (cerpen) • Azmah Nordin (novel dan cerpen)
1990-an	2000-an
• Fauziah Moxsin (puisi) • Juri Durabi (puisi) • Mabulmaddin Shaiddin (puisi dan umum) • Marmoh Kasman (puisi) • Noor Aisyah Maidin (puisi) • Norhayati Tasif (puisi) • Sahara Jais (puisi) • Ramlee Awang Murshid (novel) • Mohd Azrone Sarabatin (kewartawanan dan puisi)	• Kims Diwa (puisi) • Witer Gunik (puisi) • Dayangku Mastura (skrip drama) • Ruhaini Matdarin (cerpen dan novel) • Rodiah Said (cerpen)
2010-an	2020-an
• Awang Abdul Muizz Awang Marusin (puisi, cerpen dan umum) • Dayana Chacho (puisi) • Gabriel Kimjuan (puisi) • Fiona FJ (puisi) • Mohilis (puisi) • Ruzaini Awang (puisi) • Siti Alimah (puisi) • Rafi Harumin (cerpen) • Salvia Rose (cerpen) • Sunita Sahidin (cerpen) • Hartini Taman (umum)	• Fahaiz (puisi dan umum) • Jaidin Zaineh (puisi) • Muhammad Farhan Firdaus Nordin (puisi dan cerpen) • Ahmad Farid Sainuri (umum) • Awan Wafdan (umum) • Dinie Liow (umum) • Mohd Nur Hilmie Milus (umum)

2. Dasar penulisan di Sabah

IPS merujuk kepada beberapa dasar awam tempatan dan antarabangsa dalam menjelaskan keperluan mewujudkan dan menjayakan Wawasan Penulis Sabah 2030. Untuk memudahkan penjelasan IPS terhadap dasar-dasar awam yang dimaksudkan, IPS membahagikan dasar-dasar tersebut kepada dasar awam tempatan dan dasar awam antarabangsa.

2.1. Dasar awam tempatan

Dalam konteks tempatan, IPS merujuk kepada Rukun Negara, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan 11 dasar negara yang merentas sektor dan masyarakat. Rujukan tersebut penting dalam menjelaskan keperluan Wawasan Penulis Sabah 2030 diwujudkan dan dijayakan di dalam negeri.

- Rukun Negara

Diperkenalkan pada tahun 1970 sebagai asas perpaduan nasional selepas peristiwa 13 Mei 1969, Rukun Negara memiliki lima cita dan lima prinsip. Melalui Rukun Negara, Wawasan ini hendak menerapkan nilai kesatuan dan keharmonian dalam karya penulis Sabah agar penulisan dapat menjadi wahana perpaduan serta mencerminkan identiti kebangsaan.

- Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 1988, FPK merupakan acuan kepada sistem pendidikan Malaysia yang holistik dan seimbang. Melalui FPK, pendidikan di Malaysia hendak melahirkan individu yang berilmu, berakhlak, bertanggungjawab dan menyumbang secara berkesan dan konsisten kepada keharmonian masyarakat. Wawasan ini memanfaatkan FPK untuk memperkasa literasi, pemikiran kritis dan ekspresi kreatif dalam kalangan generasi muda.

- Wawasan Kemakmuran Bersama 2030

Sebagai sambungan kepada Wawasan 2020 dan Model Ekonomi Baharu yang diperkenalkan pada tahun 1990 dan 2010, Kerajaan memperkenalkan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 untuk mengurangkan jurang ekonomi dan memastikan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh melalui peningkatan keupayaan ekonomi, keadilan sosial dan kesejahteraan rakyat. Dengan menghubungkan WKB 2030 dengan Wawasan ini, penulisan dapat digunakan sebagai alat advokasi dan pendidikan dalam membincangkan isu keadilan sosial dan ekonomi di Sabah.

- Dasar Bahasa Kebangsaan

Kerajaan Persekutuan memperkenalkan dan melaksanakan Dasar Bahasa Kebangsaan (DBK) untuk memastikan bahasa Melayu

digunakan secara terus-menerus sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu dalam pembangunan negara Malaysia. Dalam erti kata yang lain, DBK menekankan kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam pendidikan, pentadbiran dan komunikasi rasmi. Melalui DBK, Wawasan ini boleh memperkukuh penggunaan dan pemartabatan Bahasa Melayu melalui penulisan berkualiti, serta menggalakkan karya bertaraf antarabangsa.

- Dasar Kebudayaan Kebangsaan

Untuk membina dan mengekalkan identiti budaya Malaysia yang unik, Kerajaan Persekutuan menetapkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) yang mengetengahkan budaya asal rantau Nusantara sebagai teras sambil menerima unsur luar yang sesuai dan menjadikan Islam sebagai elemen utama. Melalui DKK, Wawasan ini hendak memperkasa ekspresi budaya Sabah melalui penulisan dan dokumentasi warisan sastera.

- Dasar Buku Negara

Sebagai pelengkap kepada FPK, Kerajaan memperkenalkan dan melaksanakan Dasar Buku Negara (DBN) untuk meningkatkan kadar literasi dan minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia melalui pembangunan industri perbukuan, penggalakan penerbitan berkualiti dan peningkatan akses kepada bahan bacaan. Melalui DBN, Wawasan ini hendak ikut berusaha memperbanyakkan penerbitan buku berkualiti dari Sabah untuk bacaan pelbagai lapisan masyarakat.

- Dasar Industri Kreatif Negara

Untuk menggalakkan pertumbuhan industri kreatif seperti penulisan, seni dan multimedia, Kerajaan mewujudkan Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) yang menyokong pembangunan ekonomi kreatif melalui insentif, latihan dan platform pempameran. Wawasan ini akan memanfaatkan DIKN dalam bentuk sokongan dana, program latihan dan pendedahan kepada pasaran yang lebih luas dalam negara.

- Dasar Negara bagi Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat

Dasar Negara bagi Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat (DNPPM) diperkenal dan dilaksanakan untuk memastikan rakyat

mempunyai akses kepada bahan bacaan dan maklumat berkualiti melalui pembangunan perpustakaan, peningkatan galakan budaya membaca dan digitalisasi bahan bacaan. Komuniti penulis Sabah boleh mendapat manfaat daripada DNPPM dan Wawasan ini untuk merangsang penyelidikan, penerbitan dan penyebaran karya mereka dengan lebih intensif berbanding sebelumnya.

- Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara

Dalam memacu kemajuan negara melalui penerapan teknologi dan inovasi dalam pelbagai sektor, Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) diwujudkan dengan menggalakkan penyelidikan, pembangunan dan penggunaan teknologi untuk mempertingkatkan daya saing negara. Dengan menghubungkan DSTIN dengan Wawasan ini, sains, teknologi dan inovasi dapat dimanfaatkan oleh komuniti penulis Sabah melalui pengembangan penulisan dan pemerkasaan penggunaan teknologi dalam penerbitan, penataran dan pemasaran karya.

- Dasar Perpaduan Negara

Dasar Perpaduan Negara (DPN) merupakan dasar Kerajaan Persekutuan yang bermatlamat menunaikan salah satu amanat dalam Rukun Negara, yakni “mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya” melalui 12 usaha yang menjurus ke arah kelahiran bangsa Malaysia yang patriotik, demokratik dan berkeperibadian mulia, pembangunan identiti nasional yang memiliki cita-cita sepunya dan pengukuhan ekosistem perpaduan negara. Melalui DPN, Wawasan ini hendak mempertanggungjawabkan komuniti penulis Sabah dengan tanggungjawab mengedepankan perpaduan dan integrasi rakyat dalam segala usaha yang mendukung penulisan.

- Dasar Belia Malaysia

Dasar Belia Malaysia (DBM) menyediakan hala tuju pembangunan belia dalam aspek kemahiran, kepimpinan dan daya saing. Melalui DBM, kerajaan hendak membangunkan belia dari aspek ekonomi, sosial dan budaya melalui program dan latihan khusus. Wawasan ini hendak memanfaatkan DBM bukan sahaja untuk mendorong lebih ramai belia Sabah berusia 15 hingga 30 tahun untuk menulis, tetapi juga untuk melibatkan mereka dalam kegiatan yang memperkukuh identiti bahasa dan sastera mereka.

- Dasar Kanak-kanak Negara

Dasar Kanak-kanak Negara (DKKN) merupakan salah satu instrumen yang digunakan oleh Kerajaan dalam melindungi hak dan kesejahteraan kanak-kanak di Malaysia. Melalui DKKN, Kerajaan memberi tumpuan kepada pembangunan menyeluruh kanak-kanak termasuk pendidikan dan hak asasi mereka. Wawasan ini hendak memanfaatkan DKKM bukan sahaja untuk mendorong kanak-kanak Sabah berusia 17 tahun dan ke bawah agar menguasai kemahiran membaca, menulis, mengira dan menaakul, tetapi juga memupuk minat terhadap budaya, bahasa dan sastera kebangsaan dan etnik.

- Dasar Wanita Negara

Dasar Wanita Negara (DWN) bermatlamat menyokong penyertaan dan pembangunan wanita dalam semua sektor masyarakat melalui rangka kerja yang memperkasakan wanita dalam bidang ekonomi, sosial dan pendidikan. Wawasan ini hendak memanfaatkan DWN untuk mengekalkan dan meningkatkan penglibatan wanita Sabah dalam dasar dan kegiatan penulisan yang memupuk rasa cinta kepada budaya, bahasa dan sastera kebangsaan dan etnik.

- Dasar Warga Emas Negara

Dasar Warga Emas Negara (DWEN) bermatlamat menggalakkan kesejahteraan warga emas melalui penyertaan aktif dalam masyarakat. Melalui DWEN, Kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan dan inisiatif yang menyokong kehidupan warga emas yang berkualiti. Wawasan ini hendak memanfaatkan DWEN untuk mengekalkan penglibatan warga emas Sabah dalam dasar dan kegiatan penulisan yang memupuk rasa cinta kepada budaya, bahasa dan sastera kebangsaan dan etnik dan menampilkan warga emas Sabah sebagai tokoh bidang tertentu yang boleh dicontohi dan diteladani oleh generasi penerus.

- Dasar Sosial Negara

Dalam usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui pembangunan sosial yang inklusif, Dasar Sosial Negara (DSN) dilaksanakan dengan cara mempromosikan keseimbangan sosial dan memastikan kebajikan semua lapisan masyarakat terjaga. Wawasan ini hendak memanfaatkan DSN untuk menjadikan penulisan sebagai

wadah kesedaran mengenai isu sosial di Sabah dan mencari penyelesaian melalui penceritaan.

- Dasar Komuniti Negara

Dasar Komuniti Negara (DKN) bermatlamat menjayakan pembangunan dan kesejahteraan komuniti bandar dan luar bandar melalui pembangunan inklusif yang merangkumi perumahan, kemudahan asas dan penglibatan masyarakat. Wawasan ini hendak menjadikan budaya, bahasa dan sastera Sabah sebagai wahana yang menggalakkan penglibatan masyarakat dalam menjayakan DKN.

- Dasar Pembangunan Luar Bandar

Dalam usaha memajukan kawasan luar bandar melalui pembangunan ekonomi dan sosial yang seimbang, Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) diperkenal dan dilaksanakan oleh Kerajaan dengan meningkatkan infrastruktur, akses kepada pendidikan dan peluang pekerjaan di luar bandar. Wawasan ini akan memanfaatkan DPLB dalam dokumentasi budaya dan kehidupan luar bandar, serta memberi inspirasi kepada generasi muda untuk menyumbang kepada pembangunan luar bandar.

2.2. Dasar awam antarabangsa

Dalam konteks antarabangsa, IPS merujuk kepada lima dasar awam yang masih berkuatkuasa. Rujukan tersebut penting dalam menjelaskan keperluan Wawasan Penulis Sabah 2030 diwujudkan dan dijayakan di dalam dan luar Malaysia.

- Agenda 21

Sebagai satu rangka kerja pembangunan mampan dunia yang diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Agenda 21 memberi tumpuan kepada kelestarian ekonomi, sosial dan alam sekitar dalam pembangunan komuniti. Dengan menggabung jalin Agenda 21 dengan Wawasan ini, penulisan dapat digunakan sebagai medium yang membangkitkan kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar dalam konteks Sabah.

- Matlamat Pembangunan Mampan 2030

Untuk menjamin pembangunan yang inklusif dan mampan di seluruh dunia, PBB memperkenalkan SDG pada tahun 2015. 17 perkara hendak dicapai oleh PBB melalui SDG ini menjelang tahun 2030, termasuk pendidikan berkualiti (SDG 4) dan pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi (SDG 8). Mengaitkan Wawasan ini dengan SDG 2030 membolehkan pihak yang terlibat dalam menjayakan Wawasan ini menyumbang langsung kepada sekurang-kurangnya dua SDG, iaitu SDG 4 dan 8.

- Saranan berkaitan Promosi dan Penggunaan Pelbagai Bahasa serta Akses Sejagat kepada Ruang Siber, UNESCO, 2003

Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan (UNESCO) mengeluarkan Saranan berkaitan Promosi dan Penggunaan Pelbagai Bahasa serta Akses Sejagat kepada Ruang Siber pada tahun 2003 untuk menggalakkan penggunaan dan pemuliharaan bahasa melalui pendidikan dan budaya melalui promosi kepelbagaian bahasa dalam sistem pendidikan. Wawasan ini hendak memanfaatkan Saranan UNESCO yang tersebut untuk menggalakkan penulisan dalam bahasa etnik Sabah dan mengangkat kepelbagaian bahasa sebagai elemen penting dalam sastera.

- Konvensyen Kepelbagaian Ekspresi Budaya 2005, UNESCO

Dalam usaha melindungi budaya dalam era globalisasi, UNESCO mengeluarkan Konvensyen Kepelbagaian Ekspresi Budaya pada tahun 2005 dengan menekankan kepentingan kebebasan ekspresi budaya serta kepelbagaian kandungan kreatif. Dengan menggabung jalin Konvensyen tersebut dengan Wawasan ini, penulisan sastera Sabah dapat meneroka peluang yang lebih besar dalam pasaran antarabangsa dan mengekalkan warisan budaya tempatan.

- Deklarasi Kuala Lumpur mengenai Penubuhan Komuniti ASEAN 2015

Dalam usaha mengukuhkan hubungan serantau negara-negara Asia Tenggara dalam aspek politik, ekonomi dan sosiobudaya, Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) menubuhkan tiga Komuniti ASEAN dalam Deklarasi Kuala Lumpur 2015, iaitu Komuniti Politik dan Keselamatan ASEAN, Komuniti Ekonomi ASEAN dan Komuniti Sosiobudaya ASEAN. Melalui kewujudan Komuniti Sosiobudaya ASEAN, Wawasan ini hendak mendorong sinergi penulis Sabah

dengan negara ASEAN melalui penerbitan antarabangsa dan pertukaran budaya.

3. Kedudukan penulisan di Sabah

Untuk menjadikan Wawasan ini realistik, IPS meninjau kedudukan sebenar penulisan dan komuniti penulis di Sabah dari segi kekuatannya, kelemahannya, peluangnya dan ancaman terhadapnya. Kedudukan ini amat penting untuk diterangkan sehingga pelbagai pihak berkepentingan seperti IPS dapat mencadangkan dan melaksanakan intervensi atau strategi yang bersesuaian.

3.1. Kekuatan

IPS berpandangan bahawa penulisan dan komuniti penulis di Sabah memiliki kekuatan yang berikut:

- Komuniti penulis yang semakin bertambah bilangannya dan semakin aktif menghidupkan penulisan di Sabah.
- Penglibatan para penulis dari Generasi Y dan Z dalam memimpin dan menjamin kelangsungan penulisan di Sabah.
- Sokongan padu daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah dalam bentuk peningkatan moral, peruntukan kewangan dan pemanfaatan kemudahan.
- Kekayaan, kepelbagaian dan keunikan warisan budaya, bahasa dan sastera di Sabah.

3.2. Kelemahan

IPS berpandangan bahawa penulisan dan komuniti penulis di Sabah memiliki kelemahan yang berikut:

- Kekurangan pendedahan penulis Sabah berbentuk residensi penulis, penterjemahan karya, penyelidikan dan pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- Kekurangan dana berterusan daripada pihak penyumbang dana yang membolehkan komuniti penulis Sabah melaksanakan bengkel, seminar, projek penerbitan dan promosi.
- Tahap penguasaan digital dan pemasaran karya yang tidak sekata dalam kalangan penulis Sabah.
- Kekurangan minat Generasi Z dan Alpha di Sabah terhadap budaya, bahasa dan sastera kebangsaan dan etnik tempatan.

3.3. Peluang

IPS berpandangan bahawa penulisan dan komuniti penulis di Sabah memiliki peluang yang berikut:

- Permintaan masyarakat antarabangsa terhadap karya sastera berbilang bahasa dan membawa perspektif budaya yang pelbagai.
- Sokongan para penyumbang dana terhadap penulisan dan komuniti penulis Sabah melalui pelbagai sumbangan dan insentif kewangan.
- Perkembangan wahana penerbitan digital dan e-dagang yang mampu melebarkan pasaran karya penulis Sabah di persada negara dan antarabangsa.
- Diplomasi budaya, bahasa dan sastera Malaysia oleh para penulis Sabah dengan komuniti penulis yang berada di luar Malaysia dan rantau Asia Tenggara.

3.4. Ancaman

IPS berpandangan bahawa penulisan dan komuniti penulis di Sabah diancam dengan ancaman yang berikut:

- Persaingan penerbitan, penataran dan pengiktirafan yang sengit dengan para penulis dan penerbit dari dalam dan luar negara.
- Pengaruh budaya luar yang boleh melemahkan minat masyarakat terhadap budaya, bahasa dan sastera tempatan.
- Ketidaktentuan ekonomi yang boleh menjejaskan dana dan pelaburan dalam bidang budaya, bahasa dan sastera.
- Penekanan hanya kepada satu cabang atau subcabang dalam sastera sehingga mengehadkan kreativiti dan inovasi dalam sastera.

4. Komponen strategik

Berdasarkan kepada kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang dimiliki oleh penulisan dan komuniti penulis di Sabah, IPS mewujudkan Wawasan ini dengan visi dan misi yang berikut:

4.1. Visi

Melalui Wawasan ini, IPS sebagai komuniti penulis Sabah bercita-cita untuk membina ekosistem budaya, bahasa dan sastera Sabah yang dinamik, sistematik, berdaya saing dan diiktiraf di persada antarabangsa.

4.2. Misi

Dengan memanfaatkan pendekatan wasatiyyah dan istiqamah dalam menghasilkan impak yang tinggi, IPS sebagai komuniti penulis Sabah hendak melaksanakan gerakan revolusi sastera Sabah melalui misi-misi yang berikut untuk mencapai visi yang dimaksudkan dalam wawasan ini:

- Memperkasakan penulis, yakni melahirkan penulis Sabah yang memiliki keperibadian berkualiti mampu menerbitkan karya yang berimpak tinggi.
- Memperkasakan karya, yakni menampilkan karya nukilan penulis Sabah dan terbitan penerbit tempatan Malaysia yang boleh dicitrakan, dikaji, dikembangkan dan dipasarkan ke seluruh lapisan masyarakat di dalam dan luar Sabah.
- Memperkasakan Sabah, yakni menjadikan budaya, bahasa dan sastera di Sabah sebagai pengembang hubungan antarabangsa Malaysia dan penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan sosial Sabah secara konsisten dan signifikan.

5. Bidang keberhasilan utama

Dalam memastikan misi yang dilaksana hanya menghalu kepada visi yang hendak dicapai pada tahun 2030, Wawasan ini menggariskan lima bidang keberhasilan utama (KRA) yang berikut:

- KRA 1: Peningkatan minat terhadap penulisan.

Peningkatan minat terhadap penulisan merupakan asas kepada pembangunan ekosistem penulisan yang kukuh. Dengan meningkatkan kesedaran dan minat masyarakat terhadap penulisan, kita dapat membuka ruang kepada generasi baharu penulis yang berbakat. Perkara itu juga akan memupuk budaya membaca dan menulis sebagai amalan harian, yang seterusnya meningkatkan kualiti literasi di Sabah. Selain itu, peningkatan minat ini boleh merangsang kreativiti dan inovasi dalam pelbagai genre penulisan seperti fiksyen, puisi, esei dan penulisan teknikal.

- KRA 2: Pengukuhan bakat penulis.

Pengukuhan bakat penulis merupakan langkah penting untuk memastikan penulis-penulis tempatan mendapat latihan, bimbingan dan peluang untuk berkembang. Melalui program latihan, bengkel dan pementoran, penulis

dapat mempertingkatkan kemahiran mereka dan menghasilkan karya yang lebih berkualiti. Ini juga akan membantu mencipta identiti unik bagi penulis Sabah, yang dapat dikenali di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dengan pengukuhan bakat, kita dapat memastikan penulis tidak hanya berdaya saing tetapi juga mampu menyumbang kepada khazanah intelektual negara.

- KRA 3: Pemartabatan karya.

Pemartabatan karya penting untuk memastikan hasil penulisan penulis tempatan mendapat pengiktirafan dan pendedahan yang sewajarnya. Perkara ini termasuk usaha untuk menerbitkan, mempromosikan dan memasarkan karya-karya tersebut kepada khalayak yang lebih luas. Dengan pemartabatan karya, kita dapat meningkatkan nilai ekonomi penulisan, menjadikannya sumber pendapatan yang berterusan bagi penulis. Selain itu, perkara tersebut memastikan bahawa karya-karya yang berkenaan menjadi warisan budaya dan intelektual yang dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

- KRA 4: Transformasi digital.

Dalam era digital, transformasi merupakan kunci kejayaan penulis dalam menghadapi cabaran dan peluang masa kini. Melalui penerapan teknologi digital, penulis dapat mencapai khalayak yang lebih luas melalui platform seperti e-buku, blog, media sosial dan laman web. Transformasi digital juga memudahkan proses penerbitan, pemasaran dan pengedaran karya secara efisien. Ini seterusnya membuka peluang kepada penulis untuk bersaing di pasaran global dan memanfaatkan alat digital untuk meningkatkan produktiviti mereka.

- KRA 5: Pemberdayaan masyarakat.

Penulisan bukan sahaja tentang individu, tetapi juga tentang memberi impak kepada masyarakat. Melalui pemberdayaan masyarakat, kita dapat menggunakan penulisan sebagai medium untuk menyampaikan maklumat, menyedarkan isu-isu sosial dan membangunkan komuniti. Program-program seperti penulisan komuniti, cerita rakyat dan dokumentasi sejarah tempatan dapat membantu masyarakat menghargai warisan budaya mereka. Program-program tersebut juga akan memperkukuh identiti Sabah sebagai sebuah negeri yang kaya dengan cerita dan naratif unik.

- KRA 6: Perluasan jaringan antarabangsa.

Untuk memastikan penulis Sabah dikenali di pentas dunia, perluasan jaringan antarabangsa menjadi mustahak. Perkara tersebut termasuk kerjasama dengan penulis, penerbit dan institusi antarabangsa untuk berkongsi ilmu, pengalaman dan peluang. Dengan menyertai festival sastera, pertandingan penulisan dan program pertukaran budaya, penulis Sabah dapat mengeksport karya mereka ke pasaran global. Ini juga akan membantu memperkenalkan Sabah sebagai destinasi budaya dan intelektual yang dinamik, serta membuka peluang kepada penulis untuk belajar daripada perspektif global.

6. Petunjuk prestasi utama

Untuk membolehkan bidang-bidang keberhasilan yang disenaraikan oleh Wawasan ini benar-benar berhasil sebelum atau pada tahun 2030, Wawasan ini menyenaraikan pula 20 petunjuk prestasi utama (KPI) bagi kesemua enam KRA dalam Jadual 2.

Jadual 2: Petunjuk prestasi utama Wawasan Penulis Sabah 2030

Bidang keberhasilan	Petunjuk prestasi
<u>KRA 1:</u> Meningkatkan minat terhadap penulisan	<u>KPI 1:</u> Penglibatan Generasi Z dan Alpha
	<u>KPI 2:</u> Pemberdayaan perpustakaan
<u>KRA 2:</u> Mengukuhkan bakat penulis	<u>KPI 3:</u> Latihan
	<u>KPI 4:</u> Penerbitan fizikal
	<u>KPI 5:</u> Pengiktirafan berasaskan merit
	<u>KPI 6:</u> Kepimpinan dan pengurusan
<u>KRA 3:</u> Memartabatkan karya	<u>KPI 7:</u> Penyelidikan dan inovasi
	<u>KPI 8:</u> Pemasaran
	<u>KPI 9:</u> Penterjemahan
	<u>KPI 10:</u> Pengalihan wahana
	<u>KPI 11:</u> Ketokohan
<u>KRA 4:</u> Menggiatkan transformasi digital	<u>KPI 12:</u> Penerbitan elektronik

	<u>KPI 13</u> : Publisiti dan promosi
<u>KRA 5</u> : Memberdayakan masyarakat	<u>KPI 14</u> : Individu dan organisasi kerjasama
	<u>KPI 15</u> : Pendanaan
	<u>KPI 16</u> : Infrastruktur dan kemudahan
	<u>KPI 17</u> : Kawasan tempatan
	<u>KPI 18</u> : Pulangan pelaburan
<u>KRA 6</u> : Meluaskan jaringan antarabangsa	<u>KPI 19</u> : Diplomasi dua hala
	<u>KPI 20</u> : Diplomasi pelbagai hala

Huraian mengenai setiap KPI yang disenaraikan dalam Wawasan ini diterangkan dalam Jadual 3. Huraian ini penting agar pihak yang terlibat dalam melaksanakan dan menilai keberkesanan Wawasan ini jelas terhadap perkara yang hendak dicapai oleh IPS dalam Wawasan ini sebelum atau pada tahun 2030.

Jadual 3: Penjelasan kepada petunjuk prestasi utama
Wawasan Penulis Sabah 2030

Petunjuk prestasi	Penjelasan
<u>KPI 1</u> : Penglibatan Generasi Z dan Alpha	Memastikan penyertaan 1,500 orang peserta dari kalangan Generasi Z dan Alpha dalam kegiatan penulisan anjuran IPS dan sahabatnya menjelang tahun 2030.
<u>KPI 2</u> : Pemberdayaan perpustakaan	Melibatkan tiga buah perpustakaan desa menjadi tuan rumah kepada kegiatan penulisan yang dianjurkan oleh IPS dan sahabatnya setiap tahun mulai tahun 2025.
<u>KPI 3</u> : Latihan	Membimbing secara intensif sepuluh orang penulis muda Sabah setiap tahun mulai tahun 2025.
<u>KPI 4</u> : Penerbitan fizikal	Menerbitkan 100 buah buku fizikal pelbagai genre menjelang tahun 2030.
<u>KPI 5</u> : Pengiktirafan berasaskan merit	Mengiktiraf 1,000 orang individu dari

	dalam dan luar Sabah yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan komuniti, karya dan kegiatan penulis di Sabah menjelang tahun 2030.
<u>KPI 6</u> : Kepimpinan dan pengurusan	Mendorong penulis Sabah daripada Generasi Z dan Alpha mengisi 50 peratus daripada bilangan keseluruhan pemimpin dan pengurus budaya, bahasa dan sastera di Sabah menjelang tahun 2030.
<u>KPI 7</u> : Penyelidikan dan inovasi	Menjayakan lima kajian mengenai komuniti, karya dan kegiatan penulis di Sabah setiap tahun menjelang tahun 2030.
<u>KPI 8</u> : Pemasaran	Meluaskan penataran dan jualan buku pelbagai genre karya penulis tempatan Sabah ke lima buah negara selain Malaysia menjelang tahun 2030.
<u>KPI 9</u> : Penterjemahan	Menterjemah 10 karya besar nukilan penulis berprestasi dari Sabah ke dalam bahasa antarabangsa setiap tahun menjelang tahun 2030.
<u>KPI 10</u> : Pengalihan wahana	Mengalih wahana dua buah karya besar nukilan penulis berprestasi Sabah berbentuk buku karya sendiri kepada bentuk bukan buku seperti lukisan, muzik, sukan dan tarian menjelang tahun 2030.
<u>KPI 11</u> : Ketokohan	Melahirkan dari Sabah, Sasterawan Negara yang pertama dan pemenang, Anugerah Penulisan Asia Tenggara yang seterusnya menjelang tahun 2030.
<u>KPI 12</u> : Penerbitan elektronik	Menerbitkan 30 buah buku digital pelbagai genre terbitan IPS menjelang tahun 2030.
<u>KPI 13</u> : Publisiti dan promosi	Menarik libat urus 1,000 orang pengguna media sosial dari dalam dan luar Malaysia

	terhadap media sosial milik komuniti penulis Sabah menjelang tahun 2030.
<u>KPI 14</u> : Individu dan organisasi kerjasama	Membawa 100 pihak berkepentingan bekerjasama dari dalam dan luar negara secara langsung dan tidak langsung dengan komuniti penulis Sabah dalam menjayakan karya dan kegiatannya menjelang tahun 2030.
<u>KPI 15</u> : Pendanaan	Menjamin dana sebanyak RM 500 ribu untuk pengupayaan komuniti, karya dan kegiatan penulis Sabah selama Wawasan ini dilaksanakan dan pada akhir tahun 2030.
<u>KPI 16</u> : Infrastruktur dan kemudahan	Melaksanakan 12 kegiatan budaya, bahasa dan sastera di premis yang diselia oleh komuniti penulis Sabah setiap tahun mulai tahun 2025.
<u>KPI 17</u> : Kawasan tempatan	Menentukan permohonan Kota Kinabalu menjadi Kota Sastera atau Kota Literasi diluluskan oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu menjelang tahun 2030.
<u>KPI 18</u> : Pulangan pelaburan	Menetapkan pulangan pelaburan komuniti penulis Sabah secara ekonomi sebanyak 5 dan secara sosial sebanyak 10 menjelang tahun 2030.
<u>KPI 19</u> : Diplomasi dua hala	Meluaskan diplomasi budaya Malaysia sebagai komuniti penulis Sabah ke lima buah negara baharu dalam dan luar rantau Asia Tenggara menjelang tahun 2030.
<u>KPI 20</u> : Diplomasi pelbagai hala	Melibatkan diri dalam dua buah pertemuan kebudayaan anjuran organisasi antarabangsa dengan penglibatan sekurang-kurangnya setiap tahun mulai tahun 2025.

7. Pelan strategik

Kejayaan Wawasan ini memenuhi kesemua enam KRA dan 19 KPI pada akhir tahun 2030 bergantung kepada pelan strategik yang Wawasan ini cadangkan kepada IPS sebagai penggubal, perancang, pelaksana dan penilai Wawasan ini untuk dilaksanakan bersama semua pihak yang berkepentingan dengan Wawasan ini di dalam dan luar Sabah. Jadual 4 menyenaraikan pihak-pihak berkepentingan yang patut IPS libatkan dalam menjayakan Wawasan ini.

Jadual 4: Pihak berkepentingan yang IPS patut libatkan dalam Wawasan Penulis Sabah 2030

Sektor	Organisasi
Kerajaan Persekutuan	1. Kementerian Belia dan Sukan 2. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah 3. Kementerian Luar Negeri 4. Kementerian Pendidikan 5. Kementerian Pendidikan Tinggi 6. Kementerian Perpaduan Negara 7. Kementerian Sumber Manusia 8. Perpustakaan Negara 9. Arkib Negara Malaysia, Sabah dan Labuan 10. Institut Aminuddin Baki Cawangan Sabah 11. Institut Kemahiran Belia Negara Kinarut, Papar 12. Institut Latihan Perindustrian (seluruh Sabah) 13. Institut Tadbiran Awam Negara, Kampus Sabah 14. Jabatan Belia dan Sukan Persekutuan Sabah 15. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Sabah 16. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Sabah 17. Jabatan Pendidikan Negeri Sabah 18. Jabatan Penerangan Malaysia, Sabah 19. Jabatan Penyiaran Malaysia,

	Sabah 20. Jabatan Perangkaan Malaysia, Sabah 21. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Negeri Sabah 22. Pejabat Negeri Sabah, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya 23. Pejabat Wilayah Sabah, Kementerian Digital 24. Pejabat Wilayah Sabah, Kementerian Luar Negeri 25. Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (seluruh Sabah) 26. Institut Pendidikan Guru (seluruh Sabah) 27. Politeknik (seluruh Sabah) 28. Pusat Khidmat Rakyat Parlimen (semua kawasan Parlimen di Sabah) 29. Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah 30. Universiti Malaysia Sabah 31. DBP Cawangan Sabah 32. Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah 33. Pembangunan Sumber Manusia Berhad, Wilayah Sabah dan Labuan 34. Institut Kemahiran MARA Kota Kinabalu
Kerajaan Negeri Sabah	1. Jabatan Ketua Menteri Sabah 2. Kementerian Belia dan Sukan Sabah 3. Kementerian Kewangan Sabah 4. Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah 5. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah 6. Arkib Negeri Sabah

	7. Institut Latihan Sektor Awam Negeri Sabah 8. Jabatan Cetak Kerajaan Negeri Sabah 9. Jabatan Muzium Negeri Sabah 10. Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan Sabah 11. Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Sabah 12. Pejabat Daerah (seluruh Sabah) 13. Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan Sabah 14. Perpustakaan Negeri Sabah 15. Sekretariat Sabah Maju Jaya 16. Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (semua kawasan Dewan Undangan Negeri Sabah) 17. Pihak Berkuasa Tempatan (seluruh Sabah) 18. Lembaga Kebudayaan Sabah 19. Lembaga Pelancongan Sabah 20. Biro Konvensyen Sabah 21. Pusat Biodiversiti Sabah 22. Pusat Ekonomi Kreatif dan Inovasi Sabah 23. Pusat Kemahiran dan Teknologi Sabah 24. Yayasan Sabah 25. Kolej Teknologi Yayasan Sabah 26. Kolej Universiti Yayasan Sabah
Pertubuhan kebangsaan	Seperti, tetapi tidak terhad kepada: 1. Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia 2. Liga Kesusasteraan Islam Antarabangsa Malaysia 3. Persatuan Penyair Malaysia 4. Persatuan Pemuisi Nasional Malaysia 5. Persatuan Penulis Alam Maya Malaysia

	6. Persatuan Penulis Budiman Malaysia 7. Persatuan Penulis Nasional Malaysia
Pertubuhan negeri	Seperti, tetapi tidak terhad kepada: 1. Angkatan Belia Islam Malaysia, Sabah 2. BAHASA 3. Ikatan Guru-guru Muslim Malaysia, Sabah 4. Kelab Komuniti Penggiat Buku Negeri Sabah 5. Majlis Belia Sabah 6. Momogunsia 7. Pemuisi D'Bayu 8. Persatuan Bahasa dan Kebudayaan Iranun 9. Persatuan Citra Seni Budaya Sabah 10. Persatuan Karyawan Sastera Utara Sabah 11. Persatuan Kebudayaan Kadazan Dusun Sabah 12. Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sabah 13. Persatuan Seni Persembahan Kota Kinabalu 14. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sabah 15. Persatuan Seni Visual Sabah 16. Persatuan Siswazah Sabah 17. Persatuan Usahawan Teknologi Sabah 18. PSBS 19. RUSTA
Pertubuhan antarabangsa	1. Konsulat Jeneral Negara Brunei Darussalam 2. Konsulat Jeneral Republik Indonesia 3. Konsulat Jeneral Republik Rakyat China

	4. Konsulat Jepun 5. Konsulat Republik Korea 6. Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara
--	--

Jadual-jadual 5 hingga 10 pula menjelaskan secara taktikal dan operasional, keperluan menjadikan enam inisiatif yang diperkenalkan dan dilaksanakan oleh IPS sebagai teras kepada KRA dan KPI yang Wawasan ini hendak capai menjelang tahun 2030. Penjelasan tersebut penting agar IPS dan pihak yang bekerjasama dengannya pada masa kini dan masa yang akan datang lebih jelas dengan cara sesuatu inisiatif bergerak dan memberi manfaat secara langsung dan tidak langsung kepada golongan sasaran sepanjang tempoh pelaksanaan Wawasan ini.

Jadual 5: Pelan taktikal dan operasional inisiatif “Puisi Adalah...”

Nama	“Puisi Adalah...”
Tujuan	Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap puisi sebagai wadah menyemarakkan literasi kreatif.
Tanggungjawab	• Panitia Penyelenggara Inisiatif sebagai pelaksana daripada IPS. • DBP Cawangan Sabah dan Sahabat IPS yang lain sebagai rakan kerjasama.
Tempoh	Sepanjang tahun.
Kos	RM 7,500 setahun, meliputi: • RM 3,000 bagi enam siri Apresiasi. • Tiada kos bagi 12 siri Sayembara. • RM 1,500 bagi sebuah antologi puisi. • RM 3,000 bagi sebuah program Wacana.
Pengisian	Inisiatif ini terdiri daripada empat komponen, iaitu: • <u>Apresiasi</u>: Pertemuan para penulis yang diadakan secara berkala bermatlamat memberi penghargaan kepada puisi yang dinukil oleh penulis. • <u>Sayembara</u>: Pertandingan menulis puisi yang melibatkan para penyair dari seluruh Malaysia secara dalam talian melalui media sosial Facebook. • <u>Antologi</u>: Penerbitan buku yang mengandungi puluhan puisi karya puluhan penyair Malaysia

	yang terpilih sebagai pemenang Sayembara “Puisi Adalah...” setiap tahun. • <u>Wacana</u>: Pertemuan para penulis secara tahunan yang bermatlamat mengangkat kumpulan puisi karya penulis berprestasi dari Sabah sebagai karya agung.
Sasaran	Para penyair Malaysia.
Hasil	Inisiatif ini dijangka membawa hasil yang berikut pada setiap tahun: • Enam siri Apresiasi dengan kehadiran kumulatif 200 orang peserta. • 12 siri Sayembara dengan penglibatan 30 orang penyair seluruh Malaysia. • Sebuah buku antologi yang diterbitkan secara fizikal, yang mengandungi 60 buah puisi karya para penyair Malaysia. • Sebuah Wacana yang menarik kehadiran 70 orang penyair dalam dan luar Sabah.
Rancangan pengganti	• Penerbitan antologi secara digital jika kos penerbitan secara fizikal melebihi RM 1,500. • Promosi ke sekolah dan institusi pendidikan tinggi jika bilangan penyair yang mengikuti Sayembara kurang 30 orang pada suku ketiga setiap tahun.

Jadual 6: **Pelan taktikal dan operasional inisiatif Sepanggar Membaca**

Nama	Sepanggar Membaca
Tujuan	Mendorong budaya membaca sebagai aktiviti rekreasi intelektual masyarakat di dalam dan luar kawasan Parlimen Sepanggar.
Tanggungjawab	• Panitia Penyelenggara Inisiatif sebagai pelaksana daripada IPS. • DBP Cawangan Sabah, Perpustakaan Negeri Sabah, Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Sepanggar dan Sahabat IPS yang lain sebagai rakan kerjasama.
Tempoh	Sepanjang tahun, tiga kali setahun.

Kos	RM 1,500.
Pengisian	• Bengkel membaca untuk kanak-kanak. • Bicara buku. • Pertukaran buku.
Sasaran	Masyarakat umum.
Hasil	Tiga buah program setiap tahun dengan penglibatan kumulatif 100 orang peserta.
Rancangan pengganti	Kupasan buku di media sosial milik IPS jika bicara buku tidak dapat dilaksanakan di mana-mana premis di luar Dangau Sastera.

Jadual 7: **Pelan taktikal dan operasional inisiatif Sepanggar Berpantun**

Nama	Sepanggar Berpantun
Tujuan	Menjadikan pantun sebagai budaya komunikasi masyarakat kawasan Parlimen Sepanggar.
Tanggungjawab	• Panitia Penyelenggara Inisiatif sebagai pelaksana daripada IPS. • DBP Cawangan Sabah, Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Sepanggar dan Sahabat IPS yang lain sebagai rakan kerjasama.
Tempoh	Sepanjang tahun.
Kos	RM 5,000 setahun.
Pengisian	• Penggunaan pantun dalam pertemuan rasmi dan separuh rasmi. • Pemasangan papan tanda pantun di tempat-tempat strategik di sekitar kawasan Parlimen Sepanggar.
Sasaran	• Jabatan dan agensi Kerajaan. • Pemilik dan pemegang amanah tempat strategik sekitar kawasan Parlimen Sepanggar.
Hasil	Inisiatif ini dijangka membawa hasil yang berikut pada setiap tahun: • Pembudayaan pantun dalam lima buah pertemuan rasmi dan separuh rasmi di sekitar

	kawasan Parlimen Sepanggar. • Pemasangan papan tanda pantun di 10 tempat strategik di sekitar kawasan Parlimen Sepanggar.
Rancangan pengganti	Promosi tempat strategik yang ada di sekitar kawasan Parlimen Sepanggar serta pantun yang berkaitan dengannya di media sosial milik IPS jika pemasangan papan tanda pantun secara fizikal tidak dapat direalisasikan.

Jadual 8: **Pelan taktikal dan operasional inisiatif Melukis Senja**

Nama	Melukis Senja
Tujuan	Menggabungkan seni lukis dan penulisan untuk merangsang kreativiti serta memberi ruang kepada masyarakat melepaskan tekanan mental.
Tanggungjawab	• Panitia Penyelenggara Inisiatif sebagai pelaksana daripada IPS. • Institut Latihan Perindustrian Kota Kinabalu sebagai pemilik inisiatif. • DBP Cawangan Sabah, Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Sepanggar dan Sahabat IPS yang lain sebagai rakan kerjasama.
Tempoh	Sepanjang tahun.
Kos	RM 1,500.
Pengisian	• Pelaksanaan modul “Melukis Senja”. • Program Malam Hari Tiga. • Bicara isu semasa. • Perkongsian budaya, bahasa dan sastera tempatan Sabah secara santai.
Sasaran	Golongan kanak-kanak dan belia.
Hasil	• Dua kali pelaksanaan modul “Melukis Senja” kepada golongan sasaran. • Satu siri bicara isu semasa dengan penampilan pembicara dari kalangan bukan penulis Sabah dan kehadiran sekurang-kurangnya 100 orang peserta.

Rancangan pengganti	Pertemuan para penulis Sabah dan pendukung mereka pada satu Rabu malam di Dangau Sastera dan restoran berdekatan.
---------------------	---

Jadual 9: **Pelan taktikal dan operasional inisiatif Kembali ke Akar**

Nama	Kembali ke Akar
Tujuan	Mengembalikan pemedulian komuniti penulis Sabah terhadap penulis veteran yang telah menyumbang kepada kelangsungan budaya, bahasa dan sastera di Sabah.
Tanggungjawab	• Panitia Penyelenggara Inisiatif sebagai pelaksana daripada IPS. • Sahabat IPS sebagai rakan kerjasama.
Tempoh	Sepanjang tahun.
Kos	Ditentukan berdasarkan keperluan.
Pengisian	• Kunjungan ke Dangau Budaya dan premis peribadi yang dimanfaatkan oleh komuniti penulis setempat. • Pertemuan dengan penulis veteran.
Sasaran	Penulis veteran Sabah dan waris.
Hasil	Enam pertemuan dengan penulis veteran Sabah di premis peribadi mereka dan di tempat lain yang ditentukan oleh Panitia Penyelenggara Inisiatif setiap tahun.
Rancangan pengganti	Pertemuan berkala ahli-ahli Majlis Penasihat IPS dan penulis veteran Sabah di Putatan.

Jadual 10: **Pelan taktikal dan operasional inisiatif Kuseru Namamu**

Nama	Kuseru Namamu
Tujuan	Menggunakan anime sebagai medium untuk mempromosikan budaya, bahasa dan sastera tempatan kepada Generasi Z dan Alpha.
Tanggungjawab	• Panitia Penyelenggara Inisiatif sebagai pelaksana daripada IPS.

	Sahabat IPS sebagai rakan kerjasama.
Tempoh	Sepanjang tahun.
Kos	Ditentukan berdasarkan keperluan.
Pengisian	- Pembikinan komik yang mempromosikan budaya, bahasa dan sastera Sabah. - Bengkel animasi. - Promosi anime di media sosial.
Sasaran	Kanak-kanak dan belia.
Hasil	Dua buah program setiap tahun dengan penglibatan 25 orang peserta.
Rancangan pengganti	Promosi tokoh penulis Sabah di media sosial milik IPS melalui pembikinan karakter mereka secara anime secara berkala sepanjang tahun.

Jadual-jadual 11 hingga 30 pula menyenaraikan pelan strategik bagi setiap KPI yang hendak dicapai oleh Wawasan ini. Ambil maklum bahawa satu KPI tidak semestinya datang bersama satu strategi sahaja.

Secara umumnya, Wawasan ini menyenaraikan 46 strategi yang hendak dilaksanakan dari tahun 2025 hingga tahun 2030. Meskipun begitu, IPS dan sahabatnya berkuasa melaksanakan strategi yang memberi impak positif yang tinggi kepada KRA dan KPI yang disenaraikan dalam Wawasan ini tetapi tidak disenaraikan secara spesifik sebagai strategi Wawasan ini.

Jadual 11: **Pelan strategik KPI 1**

Strategi	Tempoh	Sasaran	Kos	Inisiatif yang berkaitan
Modul “Melukis Senja”	Dua jam dalam sehari	Pelajar-pelajar institusi pendidikan tinggi dan latihan kemahiran	RM 100-500 bergantung kepada dinamika modul	Melukis Senja
Bengkel penulisan	Sehari	Murid-murid sekolah rendah dan	Ditentukan berdasarkan keperluan	Puisi Adalah..., Sepanggar

		menengah		Membaca, Sepanggar Berpantun, Melukis Senja
Baitul Muqaddam	Ditentukan oleh Pertubuhan Permuafakatan Baitul Muqaddam Sabah	Kanak-kanak dan remaja sekitar kawasan Parlimen Sepanggar	Ditentukan berdasarkan keperluan	Sepanggar Membaca

Jadual 12: **Pelan strategik KPI 2**

Strategi	Tempoh	Sasaran	Kos	Inisiatif yang berkaitan
Baca Buku bersama Penulis Sabah	Tiga jam dalam sehari	Murid-murid sekolah rendah yang mengambil manfaat daripada perpustakaan desa	Ditentukan berdasarkan keperluan	Sepanggar Membaca
Bicara Buku Penulis Sabah	Dua jam dalam sehari	Pengunjung perpustakaan dan pusat sumber institusi	Ditentukan berdasarkan keperluan	Sepanggar Membaca
Kasih Buku (Desa)	Tidak ditentukan	Perpustakaan desa	Bergantung kepada harga semasa buku	Sepanggar Membaca
Kasih Buku (Negara)	Tidak ditentukan	Perpustakaan Negeri luar Sabah	Bergantung kepada harga semasa buku dan kos yang terlibat dalam penyerahan buku kepada	Sepanggar Membaca

			yang berkenaan	
Kasih Buku (Dunia)	Tidak ditentukan	Perpustakaan Negara luar Malaysia	Bergantung kepada harga semasa buku dan kos yang terlibat dalam penyerahan buku kepada yang berkenaan	Sepanggar Membaca

Jadual 13: **Pelan strategik KPI 3**

Strategi	Tempoh	Sasaran	Kos	Inisiatif yang berkaitan
Khemah Sastera	Tiga hari	10 orang penulis Sabah dari Generasi Z dan Alpha	RM 3,000	Sepanggar Membaca
Penyertaan dalam Minggu Penulis Remaja dan Program Penulis Anak Angkat	Ditentukan oleh DBP Cawangan Sabah	Dua orang penulis dari kalangan Generasi Z yang telah menghasilkan buku sendiri	Ditentukan berdasarkan keperluan	Sepanggar Membaca
Akademi RuPHA	Ditentukan oleh Dangau Sastera	Lima orang penulis dari kalangan Generasi Z dan Alpha sebagai pelatih setiap tahun	Ditentukan berdasarkan keperluan	Puisi Adalah..., Sepanggar Membaca, Sepanggar Berpantun, Kuseru Namamu

Jadual 14: **Pelan strategik KPI 4**

Strategi	Tempoh	Sasaran	Kos	Inisiatif yang berkaitan
Bengkel pembikinan buku	Tiga hari	Enam orang ahli IPS menjadi pengatur huruf dan pereka kulit buku setiap tahun	Ditentukan mengikut keperluan	Sepanggar Membaca
Penerbitan buku sendiri secara fizikal	Sepanjang tahun	12 buah buku pelbagai genre karya penulis solo setiap tahun	RM 12,000	Sepanggar Membaca
Penerbitan buku bersama bukan antologi secara fizikal	Sepanjang tahun	Dua buah buku bersama bukan antologi setiap tahun	RM 2,000	Sepanggar Membaca
Penerbitan buku antologi secara fizikal	Sepanjang tahun	Lima buah buku antologi setiap tahun	RM 5,000	Puisi Adalah..., Sepanggar Membaca, Sepanggar Berpantun, Kuseru Namamu

Jadual 15: **Pelan strategik KPI 5**

Strategi	Tempoh	Sasaran	Kos	Inisiatif yang berkaitan
Pingat Penulis Sabah	Sepanjang tahun	250 orang penulis dan bukan penulis Sabah setiap tahun	Ditentukan berdasarkan kos semasa pembelian aksesori	Tidak berkenaan
Hadiah Puisi K. Bali	Dua tahun sekali	Penyair dari dalam dan	RM 30,000	Puisi Adalah...

		luar Malaysia		
Sayembara Puisi Adalah...	Setiap bulan	Penyair Malaysia	Tiada	Puisi Adalah...

Jadual 16: **Pelan strategik KPI 6**

Strategi	Tempoh	Sasaran	Kos	Inisiatif yang berkaitan
Mesyuarat Agung	Dua tahun sekali	50 peratus ahli IPS dari Generasi Z dan Alpha dipilih dan dilantik memimpin dan mengurus IPS secara aktif menjelang tahun 2030	Tiada	Tidak berkenaan

Jadual 17: **Pelan strategik KPI 7**

Strategi	Tempoh	Sasaran	Kos	Inisiatif yang berkaitan
Penerbitan artikel jurnal	Sepanjang tahun	Satu artikel jurnal karya penyelidik Sabah setiap tahun	Ditentukan mengikut keperluan	Puisi Adalah..., Sepanggar Membaca, Kembali ke Akar, Kuseru Namamu
Penglibatan dalam persidangan antarabangsa	Minimum sehari setahun	Satu artikel persidangan yang disediakan dan dibentangkan oleh penulis Sabah setiap tahun	Ditentukan mengikut keperluan	Puisi Adalah..., Sepanggar Membaca, Kembali ke Akar, Kuseru Namamu

Jadual 18: **Pelan strategik KPI 8**

Strategi	Tempoh	Sasaran	Kos	Inisiatif yang berkaitan
Jualan buku tempatan	Sepanjang tahun	Lima buah buku karya penulis Sabah setiap tahun tanpa mengira bilangan naskhah yang terjual	Kos pengiriman	Puisi Adalah..., Sepanggar Membaca
Jualan buku antarabangsa	Sepanjang tahun	Sebuah buku karya penulis Sabah setiap tahun tanpa mengira bilangan naskhah yang terjual	Kos pengurusan platform dan pengiriman	Puisi Adalah..., Sepanggar Membaca

Jadual 19: **Pelan strategik KPI 9**

Strategi	Tempoh	Sasaran	Kos	Inisiatif yang berkaitan
Penterjemahan	Enam bulan	Sebuah buku sastera karya penulis berprestasi dari Sabah setiap tahun	Ditentukan mengikut jenis karya, tempoh penterjemahan dan tahap kesukaran menterjemah; minimum RM 3,000	Puisi Adalah..., Sepanggar Membaca, Kembali ke Akar

Jadual 20: **Pelan strategik KPI 10**

Strategi	Tempoh	Sasaran	Kos	Inisiatif yang berkaitan
Lukisan berdasarkan	Sepanjang tahun	Lima lukisan setiap tahun	RM 500	Melukis Senja

karya penulis Sabah				
---------------------	--	--	--	--

Jadual 21: **Pelan strategik KPI 11**

Strategi	Tempoh	Sasaran	Kos	Inisiatif yang berkaitan
Pemprofilan tokoh penulis Sabah	Sepanjang tahun	Seorang tokoh penulis Sabah setiap tahun	Tiada	Tidak berkenaan
Pencalonan Sasterawan Negara	Ditentukan oleh DBP	Seorang tokoh penulis Sabah setiap tahun pencalonan	RM 100	Tidak berkenaan
Pencalonan penerima, Anugerah Penulisan Asia Tenggara mewakili Malaysia	Ditentukan oleh DBP	Seorang tokoh penulis Sabah setiap tahun pencalonan	RM 100	Tidak berkenaan

Jadual 22: **Pelan strategik KPI 12**

Strategi	Tempoh	Sasaran	Kos	Inisiatif yang berkaitan
Penerbitan buku sendiri secara digital	Sepanjang tahun	Tiga buah buku pelbagai genre karya penulis solo setiap tahun	RM 600	Sepanggar Membaca
Penerbitan buku bersama bukan antologi secara digital	Sepanjang tahun	Sebuah buku bersama bukan antologi setiap tahun	RM 200	Sepanggar Membaca
Penerbitan buku antologi secara digital	Sepanjang tahun	Dua buah buku antologi setiap tahun	RM 400	Puisi Adalah..., Sepanggar Membaca,

				Sepanggar Berpantun, Kuseru Namamu
Penerbitan Majalah Komposisi	Sepanjang tahun	Lima siri majalah setiap tahun	RM 200	Sepanggar Membaca
Program Literasi Kreatif dan Teknologi Sabah	Sehari	Tiga siri setiap tahun	RM 6,000	Puisi Adalah..., Sepanggar Membaca, Sepanggar Berpantun, Melukis Senja

Jadual 23: **Pelan strategik KPI 13**

Strategi	Tempoh	Sasaran	Kos	Inisiatif yang berkaitan
Pengurusan media sosial	Sepanjang tahun	200 orang pengguna media sosial setiap tahun	Ditentukan mengikut keperluan	Sepanggar Membaca
Pengurusan laman web	Sepanjang tahun	1,200 tontonan laman web setiap tahun	Ditentukan mengikut keperluan	Sepanggar Membaca
Penglibatan media	Sepanjang tahun	Satu siaran televisyen atau satu siaran akhbar bagi setiap program berskala besar	Tiada	Semua
Bengkel asas kewartawanan	Sehari	20 orang penulis muda Sabah menjelang tahun 2030	Ditentukan mengikut keperluan	Sepanggar Membaca

Jadual 24: **Pelan strategik KPI 14**

Strategi	Tempoh	Sasaran	Kos	Inisiatif yang berkaitan
Sahabat IPS	Sepanjang tahun	Pertambahan sembilan buah organisasi setiap tahun	Tiada	Semua

Jadual 25: **Pelan strategik KPI 15**

Strategi	Tempoh	Sasaran	Kos	Inisiatif yang berkaitan
Kumpulan Wang IPS	Sepanjang tahun	Peningkatan dana sebanyak 45 peratus setiap Tahun Kewangan IPS semasa berbanding Tahun Kewangan IPS sebelumnya	Tiada	Tidak berkenaan

Jadual 26: **Pelan strategik KPI 16**

Strategi	Tempoh	Sasaran	Kos	Inisiatif yang berkaitan
Dangau Sastera	Sepanjang tahun	12 buah kegiatan melibatkan komuniti penulis Sabah dan pendukungnya setiap tahun	Ditentukan mengikut keperluan	Semua

Jadual 27: **Pelan strategik KPI 17**

Strategi	Tempoh	Sasaran	Kos	Inisiatif yang berkaitan
Semakan terhadap Kertas Dasar IPS mengenai Pencalonan Kota Kinabalu sebagai Kota Sastera UNESCO	Sebulan setiap tahun pencalonan	Setiap tahun pencalonan dibuka oleh UNESCO dan pencalonan dilengkapkan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	Tiada	Tidak berkenaan
Penataran Kertas Dasar IPS mengenai Pencalonan Kota Kinabalu sebagai Kota Sastera UNESCO	Sehari	Tiga siri penataran pada setiap tahun pencalonan dengan penglibatan pihak yang strategik dalam pencalonan	Ditentukan mengikut keperluan	Sepanggar Membaca

Jadual 28: **Pelan strategik KPI 18**

Strategi	Tempoh	Sasaran	Kos	Inisiatif yang berkaitan
Laporan Kewangan Tahunan IPS	Dua bulan, yakni pada Disember tahun semasa dan Januari tahun berikutnya	Peningkatan pulangan pelaburan ekonomi dan sosial sebanyak 1.3 setiap tahun	Ditentukan mengikut keperluan	Tidak berkenaan

Jadual 29: **Pelan strategik KPI 19**

Strategi	Tempoh	Sasaran	Kos	Inisiatif yang berkaitan
Libat urus dengan penulis negara sahabat	Ditentukan mengikut keperluan	Sebuah negara baharu setiap tahun	Ditentukan mengikut keperluan	Semua
Pengantara-bangsaan inisiatif penulis Sabah	Ditentukan mengikut keperluan	Sebuah negara luar Malaysia setiap tahun	Ditentukan mengikut keperluan	Semua

Jadual 30: **Pelan strategik KPI 20**

Strategi	Tempoh	Sasaran	Kos	Inisiatif yang berkaitan
Penyertaan dalam pertemuan kebudayaan antarabangsa	Ditentukan oleh penganjur	Dua buah pertemuan kebudayaan antarabangsa setiap tahun dengan penglibatan peserta dari dua buah negara selain Malaysia	Ditentukan oleh penganjur dan mengikut keperluan	Semua

8. Pemenuhan terhadap piawaian antarabangsa

Agar Wawasan ini diterima di pelbagai organisasi dan segmen masyarakat peringkat tempatan dan antarabangsa, Wawasan ini disediakan dengan memenuhi piawaian antarabangsa yang berikut:

- Kad Skor Berimbang (*Balanced Scorecard* - BSC).

BSC merupakan alat pengurusan strategik yang mengukur prestasi organisasi melalui empat perspektif, iaitu kewangan, pelanggan, proses dalaman, serta pembelajaran dan pertumbuhan. Piawaian ini membantu organisasi menterjemahkan visi ke dalam tindakan praktikal. Pelaporan BSC memerlukan penetapan KPI untuk setiap perspektif, pemantauan berkala

dan penyelarasan strategi dengan objektif jangka panjang. Laporan yang hendak dibuat menggunakan BSC mesti menggabungkan data kuantitatif dan kualitatif untuk menunjukkan keseimbangan antara matlamat jangka pendek dan panjang. IPS berpandangan bahawa BSC sesuai digunakan dalam Wawasan ini untuk menggambarkan keseimbangan Sabah membangunkan budaya, bahasa dan sastera dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar.

- Inisiatif Pelaporan Sejagat (*Global Reporting Initiative - GRI*).

GRI menyediakan piawaian global untuk pelaporan kelestarian yang menekankan akauntabiliti terhadap impak ekonomi, alam sekitar dan sosial. Tiga perkara ditekankan dalam GRI, iaitu prinsip kebendaan, prinsip keterlibatan pihak berkepentingan dan petunjuk tertentu. Laporan yang hendak dikeluarkan mengikut format GRI mesti mengandungi pernyataan daripada ketua eksekutif, analisis kebendaan dan data pencapaian yang disahkan oleh pihak ketiga. IPS berpandangan bahawa GRI boleh dijadikan ukuran kepada keberhasilan Wawasan ini untuk menggambarkan peranan penulis Sabah dalam menjayakan pembangunan mampan.

- Pulangan pelaburan sosial (*Social return on investment - SROI*).

SROI mengukur nilai sosial, alam sekitar dan ekonomi dalam bentuk monetari. SROI digunakan untuk menilai keberkesanan program sosial yang diadakan oleh sesebuah organisasi. Melalui dokumentasi yang telus tentang andaian, metodologi dan keterlibatan pihak berkepentingan, IPS berpandangan bahawa SROI merupakan kaedah yang tepat dalam mengukur keuntungan yang IPS bawakan ke Sabah dalam bidang budaya, bahasa dan sastera.

- IRIS+.

IRIS+ ialah sistem metrik piawai untuk pelaburan impak yang selari dengan SDG. Sistem ini menyediakan petunjuk untuk mengukur prestasi sosial dan alam sekitar yang ditunjukkan oleh sesebuah organisasi atau sesuatu usaha. Laporan yang dikeluarkan mengikut format IRIS+ dituntut merujuk kod metrik rasmi dan menyertakan data yang boleh disahkan agar maksud pelaporan dapat dicapai. IPS memandang kerelevanan IRIS+ dalam melaporkan keberhasilan Wawasan ini mengingat bahawa IPS merupakan salah satu NGO yang menerima dana awam untuk manfaat masyarakat umum dalam bidang budaya, bahasa dan sastera.

- ISO 9001:2015.

Sebagai alat pengurusan kualiti, ISO tersebut menekankan kepuasan pelanggan dan penambahbaikan berterusan. Tiga perkara ditekankan dalam ISO, iaitu pendekatan berasaskan risiko, dokumentasi proses dan audit dalaman. Oleh sebab itu, pelaporan yang dibuat menggunakan format ISO memerlukan penyata kualiti, hasil audit dan tindakan pembetulan. IPS memandang penting ISO ini dalam mewujudkan dan mengukuhkan kredibiliti komuniti penulis Sabah sebagai pihak yang ikut menjayakan Sabah dalam bidang budaya, bahasa dan sastera.

Walaupun hanya salah satu atau beberapa piawaian antarabangsa yang akan digunakan ketika melaporkan perkembangan Wawasan ini, semua piawaian antarabangsa yang Wawasan ini senaraikan sentiasa menjadi panduan dan rujukan semua pihak yang terlibat dalam melaksana dan menjayakan Wawasan ini.

9. Kriteria kejayaan

Wawasan ini dianggap berjaya pada akhir tahun 2030 apabila terdapat kesemua tiga misi yang mendukung visi berjaya dipenuhi oleh setiap KRA yang mencapai sekurang-kurangnya satu KPI. Penilaian pencapaian akan dilaksanakan pada bulan Disember setiap tahun.

Walaupun begitu, kriteria kejayaan Wawasan ini dapat disemak dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Kajian separuh penggal Wawasan ini dijadualkan pada suku kedua tahun 2027.

10. Libat urus

Wawasan ini secara umumnya bersifat dinamik sehingga libat urus menjamin dinamika perjalanan Wawasan ini. Dalam hal Wawasan ini, IPS telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan pada bulan Januari dan Februari 2025 untuk memberi gambaran yang ringkas tentang cita-cita budaya, bahasa dan sastera di Sabah pada dan selepas tahun 2025. Pihak-pihak berkepentingan yang dimaksudkan ialah:

- Kementerian Pendidikan Malaysia.
- DBP Cawangan Sabah.
- Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa Republik Indonesia.
- Dinas Perpustakaan dan Kearsipan Daerah Khusus Ibukota Jakarta, Indonesia.
- Dewan Kesenian Jakarta, Indonesia.

Memandang ke hadapan, IPS akan mengadakan libat urus dengan banyak lagi pihak berkepentingan di dalam dan luar negeri Sabah agar hasrat Sabah mencapai kejayaan di lapangan budaya, bahasa dan sastera dapat direalisasikan pada akhir tahun 2030 berdasarkan KRA dan KPI yang digariskan oleh Wawasan ini.

Kesimpulan

Wawasan ini berfungsi sebagai landasan strategik dalam memperkukuh ekosistem penulisan negeri ini dengan menghubungkan dasar-dasar utama yang menyokong pertumbuhan kesusasteraan dan industri kreatif. Dengan memanfaatkan sumber budaya, teknologi dan ekonomi, Wawasan ini bertujuan melahirkan penulis berkualiti yang mampu berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa. Penyelarasan dengan dasar-dasar tempatan dan antarabangsa akan memperkasa penghasilan karya bermutu, memperluaskan pasaran sastera Sabah dan meningkatkan kesedaran terhadap kepelbagaian budaya negeri. Dengan sokongan berterusan daripada kerajaan, institusi dan masyarakat, Wawasan ini berpotensi menjadi pemangkin kepada transformasi sastera dan industri kreatif di Sabah. Malah, lebih tepat untuk dinyatakan dalam Wawasan ini bahawa Wawasan ini merupakan kerangka kerja utama yang menjelaskan keperluan gerakan revolusi kesusasteraan di Sabah.

Rujukan

- Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad (2016). Sumbangan Penulis Wanita dalam Sejarah Penulisan Kreatif di Sabah. *Jurnal Gendang Alam*, 5, 23-38.
- Adib MN (2024, Disember 31). Sekilas Sastera 2024: Antara Pesimistik dengan Optimistik (Bahagian Satu). *Dewan Sastera*. Dipetik daripada <https://dewansastera.jendeladbp.my/2024/12/31/15559/> pada 14 Januari 2025.
- Aninah Janang (2023, September 29). Sabah Maju Jaya: Melestarikan Bahasa, Sastera dan Budaya. *Dewan Sastera*. Dipetik daripada <https://dewansastera.jendeladbp.my/2023/09/29/11051/> pada 14 Januari 2025.
- Awang Abdul Muizz Awang Marusin (2024, Februari 23). Meninjau Potensi Sepanggar sebagai Hab Bahasa, Sastera dan Budaya Sabah. *Dewan Sastera*. Dipetik daripada <https://dewansastera.jendeladbp.my/2024/02/23/12585/> pada 14 Januari 2025.
- Awang Abdul Muizz Awang Marusin (2024). Kota Kinabalu sebagai Kota Sastera Masa Hadapan: Sumbangsih Ikatan Penulis Sabah. Dipetik daripada <https://www.aamuizz.com/2024/12/kota-kinabalu-sebagai-kota-sastera-masa.html> pada 14 Januari 2025.

- Awang Abdul Muizz Awang Marusin (2025, Februari 5). Diplomasi Indonesia dan Malaysia melalui Komuniti Penulis Sabah [Slaid persembahan]. *Kunjungan kepada Kepala Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa Republik Indonesia*. Jakarta Timur.
- Corvo, L., Pastore, L., Mastrodascio, M. & Cepiku, D. (2022). The social return on investment model: a systematic literature review. *Meditari Accountancy Research*, 30(7), 49-66.
- GRI Standards (2024). *Consolidated Set of the GRI Standards*. Amsterdam: GRI Standards.
- Hasyuda Abadi (2024). Menjadikan Kota Kinabalu sebagai kota sastera dunia - sekadar pandangan. Dipetik daripada <https://hasyuda-abadi.blogspot.com/2024/06/menjadikan-kota-kinabalu-sebagai-kota.html> pada 14 Januari 2025.
- Kaplan, R. & Norton, D. (1992, Januari-Februari). The Balanced Scorecard—Measures that Drive Performance. *Harvard Business Review*. Dipetik daripada <https://hbr.org/1992/01/the-balanced-scorecard-measures-that-drive-performance-2> pada 15 Februari 2025.
- Yusri Sulaiman & Bilcher Bala (2020). Sejarah Peribumi di Borneo Utara Semasa Zaman Kesultanan Brunei: Satu Kajian Literatur. *Jurnal Kinabalu*, 26(2), 131-145.
- Zainuddin Baco & Bilcher Bala (2021). Sejarah Pembangunan Bandaraya Kota Kinabalu, 1881-1962. *Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah)*, 6(1), 1-22.